



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**SYARAT-SYARAT LESEN IMPORT IKAN (TUMBUHAN AKUATIK)
DI BAWAH BAB 8 (1) AKTA PERIKANAN, PENGGAL 61**

1. Pengimport hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Negara Brunei Darussalam.
2. Pengimport hendaklah mempunyai lesen import ikan (tumbuhan akuatik) yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Negara Brunei Darussalam.
3. Pengimport hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkenaan.
4. Spesies ikan (tumbuhan akuatik) yang didatangkan hendaklah termasuk di dalam spesies ikan yang disenaraikan oleh pengimport dalam permohonan lesen import ikan (tumbuhan akuatik) yang telah dibenarkan.
5. Pengimportan ikan-ikan (tumbuhan akuatik) yang tersenarai sebagai spesies yang dilindungi di bawah *Convention of International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)* hendaklah mempunyai *CITES export permit* yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan (*Management Authority*) negara pengeksport.
6. Pengimport hendaklah memastikan :-
7. Semua konsainan telah memenuhi syarat-syarat pengendalian dan pembungkusan ikan (tumbuhan akuatik) yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.
8. Setiap konsainan yang diimport mestilah mempunyai Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten (*Competent Authority*) negara pengeksport yang menyatakan konsainan selamat untuk makanan manusia atau Laporan Analisa Makmal yang dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf oleh Negara pengeksport jika berkenaan.
9. Sumber ikan (tumbuhan akuatik) diperolehi daripada ladang ternakan ikan (tumbuhan akuatik) yang diluluskan dan berada di bawah kawalan rasmi Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport. Dokumentasi yang lengkap daripada Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport hendaklah dikemukakan sekiranya diperlukan.
10. Pengimport hendaklah memastikan konsainan disertakan dengan Sijil Kesihatan, Invois, Lesen Import, Senarai Pembungkusan dan Bil Penerbangan atau Bil Muatan.
11. Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan untuk mendapatkan sampel ikan (tumbuhan akuatik) yang diimport pada mana-mana jumlah yang munasabah secara percuma bagi tujuan penganalisan makmal jika diperlukan.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

12. Pengimport hendaklah memaklumkan ke Jabatan Perikanan tarikh dan masa pengimportan bagi tujuan pemeriksaan dan pengambilan sampel.
13. Pengimport hendaklah memberikan maklumat-maklumat setiap pengimportan ikan (tumbuhan akuatik) ke Jabatan Perikanan bagi tujuan rekod simpanan dan rujukan jika dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.

Nota :-

- "Tumbuhan akuatik" termasuk alga seperti rumpai laut, *spirulina* dan *chlorella*.
- Bayaran lesen import ikan (tumbuhan akuatik) adalah B\$20.00 bagi setiap konsainan.
- Permohonan dan pembayaran lesen import ikan (tumbuhan akuatik) hendaklah melalui sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* (**bdnsw.gov.bn**) dengan menyertakan Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport atau Laporan Analisa Makmal yang dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf oleh negara pengeksport.
- Semua dokumen yang dikemukakan oleh Pengimport hendaklah dalam atau diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.
- Setiap lesen import ikan (tumbuhan akuatik) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan hanya sah bagi satu konsainan sahaja dan akan mansuh selepas satu bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.
- Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa boleh menahan atau memeriksa mana-mana konsainan ikan (tumbuhan akuatik) yang diimport pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
- Pengarah Perikanan berhak menegah pengimportan mana-mana spesies ikan (tumbuhan akuatik) mengikut keperluan langkah-langkah biosekuriti.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.
- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa dan berhak untuk membatalkan lesen import ikan (tumbuhan akuatik) yang telah dikeluarkan.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- Kegagalan mematuhi Syarat-Syarat Lesen Import Ikan (Tumbuhan Akuatik) adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat dan Alamat : _____


No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____ (ofis) _____ (hp) _____ (fax)

Emel : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____



=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

